



SPP

LAPORAN PERSIDANGAN PERKHIDMATAN PENDIDIKAN TAHUN 2015

“ANJAKAN PARADIGMA KE ARAH PROFESION
KEGURUAN YANG DINAMIK”

13-15 Mei 2015

Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak,
Miri, Sarawak



PERSIDANGAN PERKHIDMATAN TAHUN 2015

Tema
Anjakan Paradigma Ke
Keguruan Yang D

Tarikh
13 - 15 Mei 2015

Tempat
Dewan Muhibah
IPG Kampus Sarawak,
Sarawak



KANDUNGAN

Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015	1
Forum 1 - Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik	4
Kertas 1 - Pengalaman, Cabaran Dan Harapan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Dalam Urusan Pelantikan Dan Perkhidmatan Guru Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Yang Berkualiti	11
Kertas 2 - Pandangan Majlis Profesor Negara Terhadap Sistem Pengambilan Dan Pelantikan Guru	16
Forum 2- Peranan SPP Dalam Menjayakan Agenda Pendidikan Negara	20
Kertas 3 - Tautan Kasih SPP-KPM : Mencari Titik Pertemuan	25
Kertas 4 - <i>Justice Delayed, Justice Denied</i> - Di Mana Kita Hari Ini?	27
Resolusi Persidangan	32
Lampiran	33
Lampiran A - Senarai Peserta Persidangan	34
Lampiran B - Senarai Urus Setia Persidangan	54
Lampiran C - Atur Cara Persidangan	57
Lampiran D - Teks Ucapan Perasmian Persidangan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri, Merangkap Menteri Pendidikan Malaysia	61
Lampiran E - Teks Ucapan Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam Sempena Persidangan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak	67
Lampiran F - Teks Ucapan Aluan Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam Sempena Persidangan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	70
Lampiran G - Teks Ucapan Penutupan Persidangan oleh Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri	75
Lampiran H - Teks Ucapan Aluan Majlis Penutupan Persidangan oleh Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	77
Galeri Peristiwa	80
Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih	92



Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015

Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 kali ini mengandungi dua acara utama iaitu Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam sempena Persidangan Perkhidmatan Pendidikan yang diadakan pada 13 Mei 2015 di ParkCity Everly Hotel, Miri, Sarawak dan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan pada 14 hingga 15 Mei 2015 di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak.

Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam

2. Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam sempena Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan Malaysia. Visi, misi baru Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) serta lagu rasmi SPP turut dilancarkan pada majlis tersebut. Majlis dihadiri seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada tetamu jemputan dan peserta persidangan. Antara tetamu jemputan yang hadir ialah:
 - (i) Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak;
 - (ii) Yang Amat Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri;
 - (iii) Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak; dan
 - (iv) Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.
3. Majlis tersebut diserikan dengan persembahan kebudayaan oleh empat buah sekolah terpilih di Sarawak iaitu:
 - (i) SK Pujut Corner, Miri;
 - (ii) SMK Taman Tunku, Miri;
 - (iii) SMKA Miri, Miri; dan
 - (iv) SK Rumah Barrau, Tatau.



4. Manakala lagu rasmi SPP disampaikan oleh kumpulan koir Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri, Sarawak dan band MESWARA merupakan band iringan jamuan makan malam.
5. SPP merakamkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah berbesar hati menaja jamuan makan malam. Ini menunjukkan Kerajaan Negeri Sarawak memberi sokongan dalam menjayakan agenda pembangunan pendidikan negara khususnya di Negeri Sarawak.
6. Intipati ucapan perasmian adalah seperti yang berikut:
 - (i) meminta SPP mengadakan penilaian sahsiah diri melalui ujian psikometrik kepada semua graduan perguruan sebagai satu tapisan permulaan bagi proses pelantikan;
 - (ii) mengalu-alukan penglibatan SPP dalam proses awal pemilihan calon guru bersama-sama dengan pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu di peringkat Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG); dan
 - (iii) transformasi SPP dengan menubuhkan Pasukan Kerja di kalangan Anggota Suruhanjaya SPP berdasarkan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS), berperanan sebagai *think tank* untuk mengenal pasti kaedah pengambilan calon guru/pendidik yang komprehensif supaya hanya calon terbaik dibawa masuk ke dalam perkhidmatan pelajaran.



7. Atur cara persidangan diteruskan pada sebelah pagi 14 Mei 2015 dengan kehadiran seramai 330 orang peserta yang terdiri daripada:

BIL	KATEGORI PESERTA	JUMLAH
(i)	Anggota SPP dan Pegawai SPP	13
(ii)	Pegawai-pegawai di Bahagian-bahagian di KPM	5
(iii)	Pentadbir/Pensyarah Institut Pendidikan Guru	54
(iv)	Pentadbir Institut Aminuddin Baki	1
(v)	Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri	8
(vi)	Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah	24
(vii)	Pengetua Sekolah Menengah	123
(viii)	Guru Besar Sekolah Rendah	32
(ix)	Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah	59
(x)	Pensyarah Universiti Awam	4
(xi)	Pentadbir Politeknik	1
(xii)	Pensyarah Kolej Komuniti	4
(xiii)	Wakil Kesatuan	2
JUMLAH KESELURUHAN		330

Persidangan ini turut dibantu oleh 51 orang urus setia. Senarai peserta dan urus setia persidangan adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

8. Persidangan kali ini merangkumi dua sesi forum dan pembentangan empat kertas kerja. Dua sesi forum tersebut adalah:
- (i) Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik; dan
 - (ii) Peranan SPP Dalam Menjayakan Agenda Pendidikan Negara.
9. Empat kertas kerja yang telah dibentangkan bertajuk:
- (i) Pengalaman, Cabaran Dan Harapan SPP Dalam Urusan Pelantikan Dan Perkhidmatan Guru Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Yang Berkualiti;
 - (ii) Pandangan Majlis Profesor Negara Terhadap Sistem Pengambilan Dan Pelantikan Guru;
 - (iii) Tautan Kasih SPP – KPM: Mencari Titik Pertemuan; dan
 - (iv) *Justice Delayed, Justice Denied* – Di Mana Kita Hari Ini?

Forum 1

Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik



PANEL-PANEL

1. YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Aminah binti Ayob
Prof. Emeritus,
Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. YBhg. Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad
Felo Penyelidik Kanan,
Institut Kepimpinan Pendidikan,
Universiti Malaya
3. YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid
Presiden Persatuan Pendidikan Malaysia
4. YBhg. Dato' Dr. Ismail bin Alias
Mantan Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam (Operasi),
Jabatan Perkhidmatan Awam

MODERATOR

YBhg. Dato' Haji Imran bin Idris
Anggota
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Persidangan mengambil maklum mengenai isu-isu dan cadangan berkaitan anjakan paradigma ke arah profesion keguruan yang dinamik seperti berikut:

YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Aminah binti Ayob

2. Ahli panel berpandangan bahawa definisi anjakan paradigma adalah perubahan daripada keadaan semasa kepada keadaan yang baru. Paradigma profesion keguruan yang semasa adalah lebih berpusat kepada guru dan pengajaran di dalam kelas. Beliau juga berpandangan bahawa sistem pendidikan dan peranan guru perlu berubah untuk memastikan kualiti dan profesionalisme guru dapat dicapai.
3. Sehubungan itu, ahli panel mencadangkan anjakan terhadap perkara berikut dilaksanakan:



- (i) sistem iaitu autonomi dan pengupayaan kepada guru dan pemimpin sekolah di mana wujudnya sistem yang menghormati dan mengiktiraf hasil usaha guru yang boleh meningkatkan keupayaan pelajar walaupun mungkin tidak termasuk daripada silibus yang ditetapkan;
- (ii) sahsiah guru meliputi enam perkara yang dicadangkan oleh ahli panel iaitu sentiasa meningkatkan ilmu, kemahiran, etika, minat yang mendalam, penyayang dan profesional;

- (iii) SPP sebagai *licensing body* untuk kekalkan guru yang terbaik dan menamatkan guru yang tidak berkesan;
- (iv) amalan pengajaran iaitu beranjak daripada pengajaran berpusatkan guru kepada berpusatkan murid; dan
- (v) pengiktirafan guru melalui peningkatan kerjaya yang berterusan walaupun masih mengajar di dalam bilik darjah.

YBhg. Dato' Dr. Hussein bin Haji Ahmad

- 4. Ahli panel mengupas isu dan cadangan mengenai tajuk yang dibincangkan dengan membandingkan keadaan profesion keguruan dahulu dan masa kini dan seterusnya memberi cadangan bagi masa hadapan.



PARADIGMA KURIKULUM	DAHULU	MASA KINI	CADANGAN MASA HADAPAN
KANDUNGAN KURIKULUM	Tradisional terikat kepada silibus mata pelajaran fakta fakta dan berstruktur	Pemusatan kepada guru, penyampaian maklumat dan pengetahuan guru	Pemusatan kepada pelajar holistik, menyeluruh pelbagai disiplin ilmu intergrasi, futuristik

PARADIGMA KURIKULUM	DAHULU	MASA KINI	CADANGAN MASA HADAPAN
PEMBENTUKAN	Condong kepada proses dan prinsip pembelajaran memori dan ingatan untuk ujian dan peperiksaan	Condong kepada strategi pembelajaran secara objektif	Condong kepada keperluan kemahiran pelajar: kreatif, belajar sendiri, inovatif berasaskan orientasi IQ, MI, EQ dan berfikir
STRATEGI PEDAGOGI	Fokus kepada guru	Fokus kepada gaya pembelajaran yang pelbagai	Fokus exploratori/ penyiasatan/kajian/ p e n g a l a m a n / pemerhatian/motivasi pembelajaran sendiri
PRODUKSI/ OUTPUT	Fokus kepada penggunaan kurikulum yang disediakan oleh pusat, tekanan kepada fakta	Fokus bahan perlu dipelbagaikan oleh guru	Fokus pelajar-rekabentuk sendiri dengan hasil yang pelbagai
PELAKSANAAN	Amalan guru bercakap/ terikat kepada silibus/ fokus subjek <i>learning to know</i>	Amalan aktiviti guru kelas, arahan guru/ terikat kepada gaya pembelajaran <i>learning to know and learning to do</i>	Amalan pelajar belajar untuk <i>self-actualization</i> dengan bimbingan individu oleh guru dengan ICT, pelajar bebas untuk menghasilkan bahan, <i>learning to be, self-access learning</i>
PENILAIAN HASIL PEMBELAJARAN	Amalan ditentukan oleh lembaga peperiksaan dan berpusat	Amalan pentaksiran berasaskan sekolah, guru reka bina ujian	Amalan peningkatan pembelajaran oleh pelajar secara sendiri
HASIL PENDIDIKAN	Fokus dan amalan pembelajaran kuantitatif, analisis <i>norm-referenced</i> , perbandingan antara individu	Fokus dan amalan pembelajaran kualitatif dan kesan kemajuan pelajar secara individu	Fokus dan amalan hasil pembelajaran mengikut projek, output pembelajaran berbeza beza dan berasaskan <i>learning how to learn, how to go on learning</i>

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunid

5. Ahli panel berpandangan bahawa terdapat pelbagai cadangan untuk melaksanakan perubahan. Namun begitu, pelaksanaan kepada cadangan perubahan tidak seharusnya diletakkan kepada pembuat dasar sahaja. Satu usaha yang kolektif perlu dilaksanakan oleh kumpulan pelaksana yang dimulakan oleh individu itu sendiri. Seorang guru yang berkualiti perlu sentiasa berfikir untuk melakukan perubahan bagi mencari cara yang tidak konvensional dan praktikal dalam membantu pelajar membina pemikiran yang kreatif dan inovatif.



6. Ahli panel mencadangkan pembudayaan berfikir ke hadapan diupayakan melalui pemerhatian, pembacaan dan penulisan ilmiah. Pendidikan seharusnya menjadi platform untuk merubah masyarakat dan bukannya datang atas arahan pihak tertentu.
7. Beliau juga menekankan bahawa guru perlu mempunyai ciri-ciri berikut supaya anjakan paradigma tersebut boleh dilaksanakan:
 - (i) *Attributes professionalism;*
 - (ii) *Mastery of content knowledge;*
 - (iii) *Mastery of pedagogical knowledge;* dan
 - (iv) *Experience leadership for learning.*

YBhg. Dato' Dr. Ismail bin Alias

8. Ahli panel mencadangkan bahawa berdasarkan konsep *Five Minds For The Future* cara anjakan boleh dilaksanakan:
 - (i) proses pemilihan calon guru perlu dilaksanakan berdasarkan kelayakan dan bakat dan dalam masa yang sama latihan perguruan perlu dimantapkan;



- (ii) masyarakat perlu mempunyai minda yang terbuka serta mempunyai sikap yang berani dan rasional;
- (iii) kesungguhan pemimpin, ahli atau kelompok memikir penyelesaian atau jalan terbaik ke atas sesuatu tuntutan;
- (iv) para guru juga perlu mempunyai pemikiran yang melangkaui profesion dan perlu sentiasa mencari pendekatan, cara dan peluang baru untuk lebih berkesan ke hadapan; dan
- (v) para guru juga perlu menjadi kelompok yang berintegriti, akauntabiliti dan dihormati dan juga mempunyai imej yang boleh menjadi tauladan dan ikutan orang ramai.

9. Ahli panel juga mengambil analogi seorang pemain bola sepak yang perlu berubah posisi bagi maksud mencipta peluang untuk pasukannya. Ia boleh dikaitkan dengan peranan yang harus dimainkan oleh seorang guru iaitu perlu sentiasa dinamik, fleksibel dan terus memikir mencari idea bagi memotivasikan pelajarannya. Setiap pelajar ada kebolehan dan kemahuan tersendiri. Oleh sebab itu, guru harus bijak memacunya supaya tiada istilah gagal apabila pelajar meninggalkan alam persekolahannya.



10. Ahli panel juga menggariskan lima cabaran yang merencatkan anjakan seperti berikut:

- (i) globalisasi;
- (ii) era ketidaktentuan;
- (iii) ketidakseimbangan proses pembangunan pemimpin dan kepimpinan;
- (iv) persaingan hebat; dan
- (v) kekurangan bakat/rendah diri.



11. Ahli panel juga mencadangkan sebelum melaksanakan sesuatu anjakan, analisa

perubahan perlu dilaksanakan meliputi:

- (i) pembangunan kepimpinan;
- (ii) keberkesanan organisasi;
- (iii) kerelevanan profesion; dan
- (iv) pengurusan perubahan.

12. Persidangan mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan berserta penjelasannya seperti berikut:

(i) Soalan 1

Bagaimana cara mengekalkan kompetensi guru

Jawapan/Maklumbalas:

Penilaian berterusan perlu dilaksanakan ke atas kompetensi guru dan dicadangkan supaya konsep cuti sabbatical diperkenalkan kepada guru-guru yang ingin menambah ilmu baharu.

(ii) Soalan 2

- (a) Pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) adalah kurang menyeluruh.
- (b) Pendidikan Khas tidak disentuh dalam PPPM.

Jawapan/Maklumbalas:

- (a) *Implementation gap* menghasilkan *implementation deficit*. Oleh yang demikian, gerakan untuk pelaksanaan pelan tersebut perlu diteruskan lagi.
- (b) Guru-guru juga perlu mengambil tanggungjawab sendiri dan tidak hanya mengharapakan pembuat dasar.



(iii) Soalan 3

- (a) Cara pengwujudan jawatan guru di Malaysia adalah masih cara yang konvensional iaitu "*one teacher, one subject, one classroom*". Cadangan supaya diubah satu subjek diajar oleh beberapa orang guru seperti pelaksanaan di luar negara. Ini akan mewujudkan keperluan perjawatan yang tinggi untuk guru.
- (b) Cadangan supaya kuota guru dilihat dan dikaji semula.

Jawapan/Maklumbalas:

Profesion perguruan perlu disesuaikan dengan keadaan iaitu mempunyai fleksibiliti untuk berubah. Namun demikian, musuh utama adalah prosedur dan kos pelaksanaan.

Kertas 1

Pengalaman, Cabaran Dan Harapan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Dalam Urusan Pelantikan Dan Perkhidmatan Guru Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Yang Berkualiti

Persidangan mengambil maklum bawah:

1. Untuk mewujudkan sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, negara perlu melahirkan modal insan yang berkemahiran dan berfikiran aras tinggi. Dalam hal ini, SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bertanggungjawab dalam melaksanakan urusan pengambilan dan pelantikan bagi memastikan calon yang dipilih mampu menggalas amanah yang dipertanggungjawabkan. Justeru, modal insan yang dipilih juga perlulah terdiri daripada mereka yang kreatif, inovatif, cekal dan bergelar pendidik yang mampu mendepani pelbagai cabaran daripada pelajarannya.
2. Fungsi SPP ini boleh dikaitkan dengan agenda dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh di dalam Bab 5 iaitu "Membangun Dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia". Dalam hal berkaitan, Kerajaan telah mengambil pendekatan yang sistematik untuk meningkatkan kualiti guru baru serta menambah baik kualiti dan profesionalisme guru sedia ada. Berdasarkan kepada dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Kerajaan, SPP juga turut mengorak langkah dalam meningkatkan syarat pengambilan bagi memastikan hanya calon guru yang berkualiti sahaja yang dilantik.
3. Pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 adalah berdasarkan kepada unjuran dan perakuan yang telah ditetapkan oleh KPM. Ianya terdiri dari 2 kategori calon iaitu:
 - (i) graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) keluaran Universiti Awam (UA) yang perlu melalui Ujian "Malaysian Teacher Selection Test" di peringkat kemasukan; dan

PEMBENTANG

YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



- (ii) calon graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) keluaran IPGM yang perlu melalui UKCG di peringkat kemasukan.
4. Dari segi kaedah pemilihan, calon PPP Gred DG41 disaring berdasarkan kepada opsyen-opsyen yang terdapat di sekolah menengah dan sekolah rendah. Calon akan ditemu duga berdasarkan kepada keperluan opsyen dan unjuran kekosongan yang telah dikemukakan oleh KPM. Namun demikian, kini terdapat lebih graduan dalam opsyen tertentu baik dari IPGM mahupun UA.
 5. Bagi pengambilan dan pelantikan jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan jawatan-jawatan dalam kategori Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP), SPP mengendalikannya secara pasaran terbuka iaitu calon yang memenuhi kelayakan skim perkhidmatan boleh memohon secara atas talian melalui portal *JobsMalaysia*.
 6. Berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diperolehi, SPP akan menapis jumlah calon yang layak dipanggil temu duga melalui kaedah-kaedah yang berikut:
 - (i) kekosongan jawatan yang perlu diisi;
 - (ii) nisbah kekosongan jawatan mengikut jumlah calon yang layak dipanggil temu duga;
 - (iii) lokasi kekosongan jawatan; dan
 - (iv) kebolehan tambahan yang dimiliki oleh calon untuk kesesuaian mengisi jawatan.
- Di samping itu, bagi opsyen tertentu untuk lantikan PPPT, ujian secara amali akan diadakan ke atas calon.
7. Selain itu, bagi menjamin pemilihan bakat terbaik yang dilaksanakan melalui sistem pengambilan terbuka bagi kedua-dua jawatan iaitu PPPT dan AKP, penilaian berdasarkan pengalaman kerja juga diambil kira semasa temu duga dan SPP akan mempertimbangkan pemberian gaji permulaan lebih tinggi kepada pegawai yang memiliki pengalaman kerja bersesuaian yang diperolehi sebelum dilantik ke jawatan tetap.
 8. Pelantikan PPP, PPPT dan AKP adalah berasaskan kaedah temu duga dan kaedah ini telah diperhalusi dan dimantapkan dari semasa ke semasa seperti berikut:
 - (i) kaedah temu duga secara individu telah diubah kepada kaedah temu duga secara berkumpulan (5-6 orang mulai Jun 2011);
 - (ii) kaedah temu duga dengan wakil Jabatan telah diperkenalkan apabila SPP melaksanakan temu duga kepada pelajar IPGM semasa mereka masih dalam pengajian; dan
 - (iii) kriteria dalam penilaian telah diperhalusi di mana borang pemarkahan baru telah mula diguna pakai mulai tahun 2015.

9. Pemarkahan bagi temu duga jawatan PPP, PPPT dan AKP adalah berpandukan kepada rubrik yang dinilai dan terbahagi kepada 70% markah yang diberikan oleh Pengerusi Lembaga Temu duga dan 30% markah yang diberikan oleh Wakil Jabatan.
10. Beberapa cabaran yang ditemui oleh SPP dalam melaksanakan urusan pelantikan dan perkhidmatan PPP, PPPT dan AKP adalah seperti yang berikut:
 - (i) pengambilan adalah tertakluk kepada senarai calon yang diunjurkan oleh KPM menyebabkan pilihan menjadi terhad kepada SPP sebagai PBM;
 - (ii) kualiti guru sekolah rendah boleh dipertikaikan di dalam proses pengambilan dan pelantikan kerana jumlah graduan PISMP dari IPGM adalah setara dengan jumlah kekosongan jawatan di sekolah rendah;
 - (iii) kualiti guru yang dilantik boleh dipersoalkan kerana calon yang gagal temu duga boleh memohon semula untuk ditemu duga selepas 6 bulan dari tarikh mesyuarat Suruhanjaya meluluskan keputusan. Calon yang telah gagal ini akan memohon ditemu duga semula sehingga berjaya dilantik;
 - (iv) penglibatan SPP bagi kemasukan graduan ke IPGM dan calon tajaan KPM ke IPTA adalah hanya sebagai pemerhati; dan
 - (v) latar belakang akademik seseorang calon bukan menjadi kriteria yang diambil kira dalam menentukan opsyen latihan perguruan.
11. SPP bercadang untuk mengguna pakai ujian psikometri secara atas talian ke atas calon PPP, PPPT dan AKP. Cadangan pelaksanaan ujian psikometri ini akan membantu dalam memilih bakat yang terbaik dalam bidang pendidikan. Ini secara tidak langsung dapat memastikan pemilihan calon dibuat bagi memenuhi kehendak dan keperluan semasa. Antara aspek yang akan dinilai melalui ujian ini ialah keperibadian dan kemahiran profesion.
12. Persidangan mengambil maklum perkara-perkara yang dibangkitkan peserta-peserta persidangan yang memohon penjelasan seperti yang berikut:
 - (i) Soalan 1
Mencadangkan agar autonomi dalam pemilihan guru bagi penempatan di negeri



Sarawak diberikan semula kepada pentadbiran Negeri Sarawak atau Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

Jawapan/Maklum Balas:

Perkara ini melibatkan kuasa yang telah ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sekiranya ada cadangan autonomi diberikan kepada pentadbiran negeri mahupun KPM, ia perlu dibentang dan mendapatkan kelulusan di peringkat Parlimen terlebih dahulu.

(ii) Soalan 2

Memohon penjelasan mengenai laluan kerjaya bagi kelompok *Teach For Malaysia* dalam sistem pendidikan Negara.

Jawapan/Maklum Balas:

Guru Program *Teach for Malaysia* merupakan calon terbaik yang dipilih dari Universiti antarabangsa atau tempatan. Calon ini dilantik secara kontrak serta perlu mengikuti Diploma Pendidikan di Universiti Utara Malaysia dan sekarang dikendalikan oleh IPGM bagi tujuan lulus Diploma Pendidikan. Setelah memenuhi syarat skim perkhidmatan PPP Gred DG41, calon akan memohon untuk ditemu duga ke pelantikan tetap kepada SPP.

(iii) Soalan 3

Memohon agar autonomi bagi negeri/daerah dalam memilih guru yang diperlukan. Ini adalah bagi mengelakkan lambakan guru yang tidak mengajar mengikut opsyen di sesuatu sekolah berlaku.

Jawapan/Maklum Balas:

Perkara yang melibatkan autonomi perlu dibentang dan mendapatkan kelulusan di peringkat Parlimen terlebih dahulu. SPP turut mencadangkan agar Ketua Jabatan perlu menggunakan kuasa autonomi yang sedia ada pada mereka dengan sewajarnya sebagai contoh dalam mengambil tindakan tatatertib terhadap guru yang berprestasi rendah. Ini adalah kerana wujud kes-kes tatatertib yang telah lama berlaku tetapi mengambil masa yang lama untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan.

(iv) Soalan 4

- (a) Bersetuju dengan autonomi diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri atau Pejabat Pendidikan Daerah dalam pemilihan guru agar isu *mismatch* dan *turn over teacher* tidak akan menjejaskan kualiti guru;

- (b) Mencadangkan *license to teach* perlu dilaksanakan sebagai salah satu cara dalam memastikan prestasi guru sentiasa di landasan yang betul.
- (c) Bersetuju agar pengambilan secara terbuka dilaksanakan agar dapat memberi peluang kepada calon dari IPTS untuk dilantik sebagai pendidik.

Jawapan/Maklum Balas:

SPP mengambil maklum dan akan berbincang dengan lebih lanjut berkaitan *license to teach* dengan KPM.



Kertas 2

Pandangan Majlis Profesor Negara Terhadap Sistem Pengambilan Dan Pelantikan Guru

PEMBENTANG

YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Rashid Mohamed
Timbalan Ketua Kluster Pendidikan dan
Pembangunan Modal Insan
Majlis Profesor Negara



Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pendidikan berkualiti bermula dengan guru yang berkualiti dan guru yang berkualiti dihasilkan melalui program pendidikan guru yang berkualiti.
2. Pembentang memaklumkan bahawa amalan sedia ada bagi pemilihan calon untuk menyertai Program ISMP adalah dengan membuat tapisan menggunakan Syarat Am sebagai tapisan pertama. Hanya calon yang berjaya tapisan pertama tersebut sahaja akan melalui tapisan seterusnya iaitu tapisan akademik di mana UA akan memilih calon yang melepasi Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.00 kecuali dalam program tertentu.
3. Selaras dengan sasaran KPM untuk mencapai 100% Pengambilan guru ke UA daripada kalangan 30% calon cemerlang lepasan STPM/Matrikulasi KPM/Asasi UM/Asasi UiTM/setaraf, Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam (MDP-UA) telah diminta membuat semakan semula agar proses penilaian dan pemilihan bagi kemasukan ke dalam Program ISMP sedia ada perlu diperbaharui.
4. Sehubungan itu, MDP-UA telah diminta mengkaji dan meneliti supaya sekurang-kurangnya 75% daripada 30% calon cemerlang lepasan STPM/Matrikulasi KPM/Asasi UiTM/setaraf mengikuti program ISMP bagi sesi akademik 2015-2016. Calon cemerlang tersebut perlu memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.00 dan seterusnya disaring mengikut syarat permohonan dan kemasukan yang ditetapkan iaitu Syarat Am dan Syarat Khas Program.
5. Pembentang merumuskan bahawa cadangan perubahan utama sistem pengambilan adalah seperti berikut:
 - (i) Penetapan : Menaikkan syarat minimum PNGK dari 2.50 kepada 3.00 sebagai syarat kemasukan ke program ISMP di UA untuk lulusan STPM/Matrikulasi KPM/Asasi UM/Asasi UiTM/setaraf;

- (ii) Perubahan : Dalam kaedah pemilihan dan pemberat komponen dalam formula pemarkahan (*algorithm*);
- (iii) Penambahan syarat : Calon guru dikehendaki membawa laporan kesihatan semasa temu duga bagi memenuhi syarat tapisan sihat tubuh badan;
- (iv) Penyediaan peruntukan dan kewangan : KPM – MedSi; dan
UA – pelaksanaan ujian & temu duga calon

Cadangan dan Inisiatif

6. Seterusnya, MDP-UA juga melaporkan bahawa pelajar IPGM diberikan elaun setiap bulan kerana pengajian di IPGM masih dianggap sebagai latihan namun tidak bagi pelajar di UA. Graduan IPGM akan ditempatkan di sekolah rendah manakala graduan UA akan ditempatkan di sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, MDP-UA mencadangkan agar elaun yang sama atau setara perlu diberikan kepada calon guru untuk sekolah menengah.
7. MDP-UA telah mencadangkan beberapa inisiatif bagi menarik lebih ramai calon cemerlang untuk menyertai bidang pendidikan seperti yang berikut:
 - (i) unjuran elaun perlulah dimaklumkan setahun lebih awal agar pengagihan antara UA dapat dibuat dengan tepat;
 - (ii) yuran pengajian adalah ditanggung oleh KPM atau diberi elaun sara diri merentasi semua bidang sebanyak RM900.00 sebulan kepada calon yang ditawarkan (ini tidak termasuk penginapan/makan/minum/buku);
 - (iii) penempatan perkhidmatan dapat dilakukan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh tamat pengajian dan sekiranya calon tidak diberikan penempatan dalam tempoh berkenaan mereka diberikan pelepasan tanpa pembayaran balik;
 - (iv) memperkenalkan skim 'pool' Guru Sandaran Terlatih untuk keperluan mengisi kekosongan sementara dalam bidang pendidikan sebagai guru gantian di sekolah yang memerlukan;
 - (v) mewujudkan laluan khas dan bakat (calon orang asal, sukan, seni, teknikal dan vokasional) bagi calon yang tidak mendapat PNGK 3.00 untuk dipertimbangkan berdasarkan perkara berikut:
 - (a) lulusan pra universiti Sekolah Sukan atau mengambil kira aspek pengalaman bekerja dalam bidang berkaitan dan anugerah yang diperoleh; atau
 - (b) lulusan dari Sekolah Seni atau ujian bakat yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan

Malaysia (MQA) bagi bidang yang berkaitan termasuk dari bidang sukan atau seni.

- (vi) laluan Pribumi/Orang Asal perlu diberikan perhatian dengan mengambil kira perkara berikut:
- (a) mengambil kira keupayaan melepasi kelayakan asas terutamanya dalam Pendidikan Sains;
 - (b) mengambil kira keperluan perkhidmatan pendidikan di lokasi penempatan Orang Asal; dan
 - (c) mengambil kira elemen lain seperti:
 - aktif dalam ko-kurikulum;
 - aktif dalam aktiviti masyarakat setempat; dan
 - mengambil kira kepentingan negara dan pendemokrasian pendidikan.
- (vii) laluan khusus untuk kumpulan yang kurang berkemampuan dari aspek sosio-ekonomi;
- (viii) mempromosi Program ISMP di universiti dan laluan kerjaya perguruan melalui:
- (a) pelajar Asasi/Diploma dan Matrikulasi;
 - (b) *roadshow* di matrikulasi dan institusi yang berkaitan;
 - (c) penghasilan video korporat mengenai profesion perguruan;
 - (d) promosi berterusan; dan
 - (e) menyertai program "Jom Masuk U" secara konsisten.



Cadangan Pelantikan Guru Alaf Baru

8. MDP-UA berpendapat bahawa isu utama dalam pelantikan guru sekarang perlu beralih kepada isu Guru Alaf Baru. Isu ini penting kerana ia menjadi punca kepada isu-isu lain seperti isu profesionalisme, perlesenan, *standard* pengajaran dan etika guru. Oleh itu, MDP-UA mencadangkan bahawa guru perlu ditauliahkan sebagai pembantu guru, guru novis, guru kanan, guru utama/pengetua, *master* dan guru *chartered*.
9. Persidangan juga mengambil maklum bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan peserta-peserta persidangan yang memohon penjelasan seperti yang berikut:
 - (i) Soalan

Dicadangkan supaya kaedah pengambilan guru perlu dibuat secara *decentralized* di mana setiap daerah diberi autonomi untuk memilih guru yang mereka perlukan mengikut subjek bagi mengelakkan *mismatch* penempatan.

Jawapan/Maklum Balas:

Isu *decentralized recruitment* dianggap tidak begitu penting pada masa ini kerana penawaran guru melebihi daripada permintaan. Justeru itu, tidak timbul soal memilih penempatan kerana sukar untuk mendapat peluang pekerjaan.

Isu pemilihan guru oleh kuasa autonomi pula adalah baik dengan syarat sistem pendidikan di Malaysia mempunyai pegawai yang bertanggungjawab serta mempunyai akauntabiliti. Sekiranya tidak, autonomi akan membawa kepada permasalahan dalam sesuatu pengambilan yang dibuat.



Forum 2

Peranan SPP Dalam Menjayakan Agenda Pendidikan Negara



PANEL- PANEL

1. YBhg. Prof. Madya Dr. Norhayati binti Mohamad Pengarah, Pejabat Pengurusan Program, KPM
2. YBhg. Datuk Haji Mohlis bin Jaafar Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Politeknik, KPM
3. YBrs. Puan Khadijah binti Abdullah Ketua Pegawai Eksekutif, Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

MODERATOR

YBhg. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim
Timbalan Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Persidangan mengambil maklum mengenai pandangan ahli panel seperti berikut:

1. SPP bertindak sebagai penyokong inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh Politeknik dan Kolej Komuniti.
2. Kecemerlangan Bakat (*Talent Excellence*) diperlukan sebagai tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti bagi memastikan bakat yang sebaik mungkin dihasilkan. Terdapat empat laluan kerjaya iaitu:
 - (i) Pendidik (*Educators*);
 - (ii) Penyelidik (*Researchers*);
 - (iii) Ketua Institusi (*Institutional*)

Leaders); dan

- (iv) Pengamal Profesional (*Professional Practitioners*).
3. Peranan SPP menetapkan pengambilan/pelantikan pensyarah-pensyarah di Politeknik dan Kolej Komuniti terdiri daripada calon bakat terbaik supaya dapat menyokong dan menjayakan agenda pendidikan negara. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia–Pengajian Tinggi [PPPM (PT)] menyokong laluan kerjaya yang lebih komprehensif kepada pensyarah supaya bakat pendidik cemerlang dapat dikekalkan.
 4. Penghayatan 10 anjakan dalam PPPM oleh SPP:
 - (i) Pemilihan dan pelantikan pensyarah-pensyarah terbaik oleh SPP diperlukan bagi memastikan penyampaian ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar dijalankan dengan lancar dan berkesan.
 - (ii) Dari segi pemilihan calon-calon pensyarah, SPP perlu menumpukan kepada penghayatan 10 anjakan dalam PPPM.
 5. Peranan SPP dalam aspek pengurusan bakat *Technical and Vocational Education and Training* (TVET):
 - (i) SPP memainkan peranan utama dalam urusan pengambilan tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti. SPP perlu berperanan sebagai pemudah cara bagi menarik calon yang memenuhi kriteria yang diperlukan untuk mengisi jawatan tenaga pengajar di Politeknik dan Kolej Komuniti.
 - (ii) SPP sebagai agensi pengambilan tenaga pengajar Politeknik dan Kolej Komuniti boleh berperanan menjayakan PPPM (PT) dalam lonjakan keempat iaitu melahirkan Graduan TVET Berkualiti.
 - (iii) SPP perlu memilih pensyarah bermula dari awal secara tepat, relevan dan memberikan ilmu serta membuat pengekalan dan latihan semula bagi Politeknik dan Kolej Komuniti.
 - (iv) SPP juga berperanan sebagai pemudahcara dalam pengambilan tenaga pengajar berkualiti seiring dengan kehendak industri (*industry players*) kerana sebanyak 55% dari keperluan tenaga industri disumbangkan oleh graduan Politeknik dan Kolej Komuniti.
 6. Peranan SPP dalam peningkatan kualiti profesion keguruan:
 - (i) SPP berperanan menentukan kualiti guru yang dilantik dan disahkan dalam perkhidmatan;
 - (a) penilaian untuk pemilihan yang tepat amat kritikal;

- (b) penilaian mesti merangkumi aspek keseluruhan kemahiran seorang guru supaya memenuhi kehendak semasa dan masa hadapan;
 - (c) mengkaji semula instrumen penilaian yang sedia ada; dan
 - (d) simulasi dan *case studies* boleh di pertimbangkan.
- (ii) SPP juga berperanan memastikan mereka yang berkelayakan dan berwatak guru dimasukkan ke dalam perjawatan tetap atau berpenyen;
- (a) mengkaji bagaimana peranan SPP boleh membantu sepanjang proses dalam perkhidmatan; dan
 - (b) mengkaji penglibatan SPP bersama IPTA yang melatih guru.
- (iii) SPP memainkan peranan menyokong/menaikkan pangkat mereka yang berkemampuan dan berprestasi tinggi; dan
- (a) membantu menilai kelayakan kenaikan pangkat;
 - (b) mengkaji sekiranya instrumen penilaian yang lebih ketat perlu untuk menjamin kualiti pegawai yang dinaikkan pangkat; dan
 - (c) memberi panduan atau latihan supaya pemilihan dapat dibuat dengan lebih efektif.
- (iv) Peranan SPP menempatkan semula atau melaksanakan dasar pemisah bagi mereka yang terus berprestasi rendah
- (a) hal ini harus dijalankan dengan serius dan berani mengikut proses dan perundangan yang ada; dan
 - (b) semakan tahunan perlu dibuat untuk memastikan tidak ada kes-kes disiplin atau prestasi rendah yang dipinggirkan.

Rumusan

YBhg. Prof. Madya Dr. Norhayati binti Mohamad

7. SPP perlu menyokong PPPM (PT) yang telah dilancarkan pada 7 April 2015 di mana aspirasi Pengajian Tinggi dapat direalisasikan dengan pelbagai cabaran global yang dihadapi sekarang. Graduan perlu berubah transformasi minda bagi menjayakan landasan 10 lonjakan yang dipacu oleh nilai dan *outcome (value and outcome driven)*. Peranan SPP

adalah untuk menyokong inisiatif-inisiatif kecemerlangan bakat (*talent excellence*) yang diambil oleh Politeknik dan Kolej Komuniti dalam empat laluan kerjaya (*career pathway*) iaitu Pendidik, Pengkaji, Ketua Institusi dan Pengamal Profesional.

YBhg. Datuk Haji Mohlis bin Jaafar

8. SPP sebagai sebuah badan bebas yang berperanan dalam melantik pensyarah dan membentuk modal insan dari segi pemilihan yang tepat, relevan dan juga dapat memberi ilmu. Sumbangan Politeknik dan Kolej Komuniti dalam menggalas peranan TVET seiring dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Sumbangan Politeknik dalam TVET di Malaysia adalah sebanyak 55% secara keseluruhan dan dalam hal ini, Politeknik dan Kolej Komuniti perlu memastikan ia mempunyai bilangan tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman. Diharap pelaksanaan PPPM (PT) akan memastikan peningkatan keupayaan Politeknik dan Kolej Komuniti untuk melaksanakan pendidikan dan latihan bagi pembangunan industri dan komuniti secara professional dan efektif.

Puan Khadijah binti Abdullah

9. Pengalaman Finland dan Korea sebagai sebuah negara yang meletakkan profesion perguruan sebagai pekerjaan yang dihormati walau pulangan dari segi wang ringgit (gaji) adalah dalam tahap sederhana.
10. SPP diminta mengkaji semula instrumen-instrumen yang sedia ada sama ada kesesuaian dalam menilai dan mengesan bakat-bakat yang cemerlang dalam kerjaya perguruan. Pada



masa kini, kemahiran *soft skill* menjadi kriteria utama dalam pemilihan calon-calon di alam kerja.

Rumusan Keseluruhan

11. Dalam forum persidangan ini, SPP diberi amanat dan tanggungjawab dalam memainkan peranan yang penting pada **peringkat awal/pertama** bagi menapis dan melantik calon-calon yang bersesuaian sebagai pendidik dalam mendidik generasi akan datang supaya penerapan ilmu dapat dimanfaatkan bagi pembangunan modal insan. Transformasi minda perlu diserapkan oleh pendidik kepada pelajar supaya dapat menyahut sistem baharu pendidikan tinggi iaitu mencari pekerjaan kepada mewujudkan pekerjaan.
12. Sepuluh lonjakan di dalam anjakan PPPM (PT) 2015-2025 adalah bertujuan untuk merealisasikan hasrat nasional bagi melahirkan modal insan yang terbaik di kalangan pendidik dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaya saing dalam bidang pendidikan secara global.



Kertas 3

Tautan Kasih SPP-KPM : Mencari Titik Pertemuan

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pembentang kertas menyatakan bahawa gerak kerja yang membina dan merapatkan hubungan antara SPP dan KPM adalah untuk mendapat dan mengekalkan guru cemerlang.
2. SPP berfungsi sebagai PBM dalam Perkhidmatan Pendidikan, manakala KPM terlibat dalam pemilihan awal calon guru untuk mengikuti program pendidikan di IPGM. Sehubungan dengan itu, wujud pemisahan dalam urusan pengambilan dan pelantikan guru. Pihak KPM merasakan adalah tugas mutlak mereka untuk memilih calon untuk mengikuti latihan guru dan untuk tujuan pelantikan, manakala peranan SPP hanyalah sebagai 'mengesahkan' pemilihan tersebut. Persepsi tentang peranan tersebut telah menimbulkan keadaan serba salah kepada SPP atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) tidak semua calon yang dipilih dan lulus latihan perguruan memenuhi tapisan dengan SPP. Contohnya terdapat calon guru TESL dan J-Qaf tidak lulus temu duga kerana lemah dari segi penguasaan bahasa;
- (ii) calon yang ditaja oleh KPM menganggap pelantikan secara tetap adalah secara automatik. Oleh sebab itu, apabila gagal temu duga, mereka menggunakan pelbagai saluran, mendesak supaya mereka dilantik juga ke dalam perkhidmatan;
- (iii) bilangan calon dipilih untuk kursus perguruan tidak bersandarkan kepada keperluan sebenar mengikut opsyen di sekolah. SPP menemuduga calon berdasarkan kepada jumlah calon yang diperakukan oleh KPM, walaupun, tiada kekosongan jawatan bagi opsyen-opsyen yang tertentu. Ianya membawa kepada masalah penempatan guru yang tidak bersandarkan kepada opsyen yang diperlukan;
- (iv) ketidakseragaman pengendalian kes tatatertib oleh SPP dan Lembaga-Lembaga

PEMBENTANG

YBhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang
Mantan Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



Tatatertib di bawah KPM, iaitu mengenakan hukuman yang amat berbeza terhadap kes-kes kesalahan yang hampir sama.

3. Pembentang mencadangkan tindakan yang berikut perlu digerakkan supaya tautan kasih antara SPP dan KPM lebih terserlah:
 - (i) melibatkan SPP di peringkat awal pemilihan calon guru untuk latihan perguruan;
 - (ii) memilih guru-guru teknik dan vokasional secara pasaran terbuka supaya KPM memperolehinya hanya calon terbaik untuk mengajar dalam bidang tersebut;
 - (iii) menganjurkan bengkel tatatertib secara bersama-sama di antara SPP/KPM dan dihadiri oleh semua Pengerusi Lembaga dan Urus Setia Tatatertib;
 - (iv) mengadakan bengkel mengenai kurikulum dan pendekatan pengajaran antara Universiti/IPGM/KPM dan SPP supaya maklum balas maklumat dapat dikongsi bersama-sama; dan
 - (v) mewujudkan satu mekanisma perkongsian maklumat lebih kukuh antara SPP dan KPM supaya tidak berlaku kelewatan dalam sistem penyampaian.
4. Pembentang merumuskan kedua-dua belah pihak perlu meningkatkan kerjasama untuk faedah dan kecemerlangan pendidikan.

Kertas 4

Justice Delayed, Justice Denied - Di Mana Kita Hari Ini?

Persidangan mengambil maklum bahawa:

1. Pembentang memaklumkan tindakan tatatertib dan perintah awam tertakluk kepada prinsip undang-undang di bawah Perlembagaan Persekutuan; tiada seseorang pegawai boleh dibuang kerja atau diturunkan pangkat tanpa diberi peluang yang munasabah untuk didengar. Di bawah perkara 135(2), prinsip ini diterangkan di bawah *Rules Of Natural Justice* iaitu *Right To Be Heard* dan *Rules Against Bias*. Di samping itu, setiap tindakan tatatertib juga tertakluk kepada semakan kehakiman oleh Mahkamah. Perkara *Doctrine Of Condonation, Mala Fide, Double Jeopardy* dan sebagainya hendaklah diberi perhatian.
2. Di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, P.U.(A) 395/1993 terdapat enam tatacara iaitu:

PEMBENTANG

YBhg. Dato' Abu Bakar bin Othman
Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran



BIL	JENIS	PERATURAN
(i)	Kes Tatatertib Biasa (Am)	34,35,36,37
(ii)	Kes Perbicaraan/Sabitkan Mahkamah Jenayah	28,29,33
(iii)	Kes Tahanan, Buang Negeri, Perintah Pengawasan, Kediaman Terhad.	32,33
(iv)	Kes Tidak Hadir Bertugas Biasa (Am)/Tidak Dapat Dikesan	25,26
(v)	Penamatan Perkhidmatan Demi Kepentingan Awam	49
(vi)	Surcaj	51

Setiap tatacara seperti di atas memperuntukkan dengan jelas peranan pengurus sumber manusia/penyelia dan Pihak Berkuasa Tatatertib.

3. Di samping itu, pembentang juga menyatakan tanggungjawab pegawai mematuhi setiap peraturan-peraturan yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di bawah peraturan ini, setiap Ketua Jabatan dikehendaki menjalankan kawalan tatatertib. Jika Ketua Jabatan gagal menjalankan tanggungjawab tersebut, maka boleh diambil tindakan tatatertib kerana cuai dalam menjalankan tanggungjawab menyelia pegawai di bawah seliaan mereka.
4. Pembentang juga mengemukakan kes-kes tatatertib yang dikendalikan oleh SPP yang terdapat unsur-unsur kelemahan seperti berikut:
- (i) Perakuan Tatatertib Lewat

Kes Lewat Perakuan oleh Ketua Jabatan

BIL	KES	PERTUDUHAN	JURANG MASA	KETERANGAN
(a)	Tidak Hadir Bertugas (THB)	THB selama 955 hari	3 tahun 5 bulan	Pegawai mula THB : 02/01/2008 KJ melapor ke JPN : 30/06/2011
22. Bersesuaian pula dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, suka saya maklumkan bahawa **mulai sesi kemasukan tahun 2014, SPP telah membuat keputusan, bagi calon yang mengikuti dan lulus Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di kampus-kampus IPGM dengan memperoleh PNGK 3.5 dan ke atas serta opsyen pengajaran diperlukan oleh KPM, adalah dikecualikan terus daripada proses temu duga untuk pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)**. Hanya calon-calon yang memperoleh PNGK di bawah 3.5 dan opsyen pengajaran diperlukan oleh KPM akan dipanggil temu duga untuk pelantikan tetap PPP.
23. Ekoran daripada keputusan ini, SPP telah melibatkan diri dalam proses awal pemilihan calon guru bersama-sama dengan pihak IPGM, KPM iaitu di peringkat Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG).
24. Gerak kerja yang dilaksanakan SPP ini, pada hemat saya boleh menjayakan anjakan

Lampiran D

keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Pra Sekolah hingga Lulusan Menengah) 2013 – 2025. Diharapkan langkah ini akan dapat menarik lebih ramai pelajar cemerlang bukan sahaja dari segi akademik malah cemerlang dalam sahsiah diri untuk menyertai profesion perguruan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Mencari Pendidik Berkualiti

25. Sesungguhnya kelayakan akademik masih merupakan tanda aras penting bagi menentukan calon yang berkualiti untuk dibawa masuk ke dalam program kursus perguruan.
26. Maka, dalam hal ini, bagi kemasukan untuk mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) di IPGM, KPM telah pun mengetatkan syarat kelayakan kemasukannya iaitu **sekurang-kurangnya untuk mendapat keputusan 5 Cemerlang di peringkat SPM untuk layak dipanggil menjalani UKCG dan 7 Cemerlang untuk mengikuti Program Pelajar Cemerlang (PCC).**
27. Selain itu, saya ingin menyarankan supaya SPP turut mengadakan penilaian sahsiah diri melalui ujian psikometrik kepada semua graduan perguruan sebagai satu tapisan permulaan bagi proses pelantikan.
28. Semoga selepas calon PISMP dan PCC menamatkan program, mereka telah dibekalkan dengan disiplin ilmu merangkumi pedagogi, berilmu pengetahuan, berketrampilan dan berkeyakinan tinggi sebagai seorang guru.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Penutup

29. Pada malam ini saya dimaklumkan akan melancarkan visi dan misi baru serta lagu SPP dalam menghadapi alaf akan datang yang lebih mencabar. Semoga visi, misi dan lagu SPP menjadikan warga SPP lebih bersedia untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.
30. Hamka pernah menggariskan bahawa tugas pendidik bukan sahaja mempersiapkan anak didik dengan ilmu pengetahuan duniawi, malah pendidik juga bertanggungjawab mendidik anak didik mereka supaya berakhlak mulia dan bermanfaat kepada bangsa, agama dan negara.
31. Saya amat berharap agar persidangan kali ini digunakan sebaik mungkin untuk mencari formula terbaik dalam melakukan anjakan paradigma ke arah profesion keguruan yang

Lampiran D

dinamik. Saya juga menyarankan agar semua pihak yang terlibat memberikan komitmen penuh dalam melontarkan pendapat dan buah fikiran agar objektif persidangan ini tercapai.

32. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan jawatankuasa penganjur atas usaha menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan kali ini. Akhir kata, dengan ucapan **Bismillahirrahmanirrahim**, dengan penuh rasa sukacita saya merasmikan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 dan melancarkan visi, misi serta lagu SPP.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Lampiran E

Teks Ucapan
YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang
Timbalan Ketua Menteri Sarawak
mewakili
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak
Sempena
Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015
13 Mei 2015 (Rabu)

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia

Yang Berhormat
Datuk Joseph Entulu Belaun

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat
Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg
Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak

Yang Berhormat Menteri-Menteri Muda

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Dif-Dif Kenamaan,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Tuan-tuan, Puan-puan serta sidang hadirin yang dihormati sekalian

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana kita dapat bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam Sempena Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 pada malam ini. Pertama sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) kerana telah sudi menjemput saya ke

Lampiran E

majlis ini, di samping memberikan peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan. Terima kasih juga kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin Bin Mohd. Yassin kerana telah meluangkan masa pada malam ini walaupun beliau mempunyai jadual kerja yang padat. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada SPP kerana inilah julung-julung kalinya, Persidangan Perkhidmatan Pendidikan diadakan di luar Semenanjung dengan Negeri Sarawak dipilih sebagai lokasi persidangan bagi tahun ini.

2. Pemilihan Negeri Sarawak sebagai lokasi persidangan jelas menunjukkan Kerajaan Persekutuan komited membantu Kerajaan Negeri Sarawak memperkasakan sektor pendidikan bagi memastikan pembangunan modal insan tempatan berkemahiran tinggi mencukupi ke arah menyediakan Sarawak menjadi negeri maju menjelang tahun 2030. Asas pemilihan ini juga, turut secara tidak langsung telah memberi manfaat yang besar kepada rakyat tempatan daripada segi penjanaan ekonomi khususnya di Miri. Kehadiran para jemputan dan peserta-peserta persidangan daripada seluruh Malaysia membolehkan industri perhotelan dan kraftangan Sarawak menerima manfaatnya.
3. Saya juga amat berbangga kerana sejak SPP ditubuhkan 40 tahun yang lalu, inilah kali pertama anak Sarawak dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya. Pelantikan Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan sebagai Pengerusi SPP memperlihatkan Kerajaan Persekutuan memandang tinggi kebolehan anak Sarawak mengetuai organisasi penting perkhidmatan pendidikan. Saya berharap dengan pelantikan beliau juga, anak-anak Sarawak akan melihat beliau sebagai *role model* dan lebih minat untuk berkecimpung dalam dunia pendidikan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kita sedia maklum bahawa topografi di Sarawak merupakan satu cabaran besar dalam pembangunan prasarana institusi pendidikan dan sistem sokongan yang diperlukan. Sehubungan itu, saya juga melihat pembinaan Lebuhraya Pan Borneo bakal meyemarakkan perkembangan prasarana institusi pendidikan. Perkembangan ini, dapat dicapai apabila lokasi-lokasi sekolah luar bandar yang sedia ada akan menjadi semakin dekat dengan kawasan bandar. Pertumbuhan bandar-bandar baru dan kawasan perumahan baru akan menyebabkan pembinaan sekolah-sekolah baru.
5. Saya dimaklumkan bahawa tema persidangan kali ini ialah "Anjakan Paradigma ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik" yang memberi penekanan terhadap bagaimana untuk memperkasakan profesion perguruan supaya lebih dinamik dan selari dengan kehendak semasa dan masa hadapan. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong program-program yang memberi manfaat besar. Namun begitu, saya amat berharap anjakan ini bukan sahaja didukung oleh para pendidik tetapi turut disokong oleh masyarakat. Oleh itu, isu-isu yang dibangkitkan di sekolah mahupun di institusi pengajian tinggi diambil berat oleh masyarakat. Kerjasama semua pihak amat penting, lebih-lebih lagi dalam menyokong dan memberi inspirasi kepada anak-anak muda yang berprestasi sederhana tetapi mempunyai minat serta kemahiran untuk meneruskan pengajian teknikal di kolej-kolej vokasional dan kolej komuniti di Sarawak.
6. Justeru itu, saya amat berharap agar persidangan kali ini bukan sahaja membincangkan

Lampiran E

bagaimana mencari pendidik terbaik bagi melahirkan pelajar-pelajar cemerlang tetapi dalam masa yang sama membincangkan isu-isu pelajar yang sederhana pencapaiannya supaya mereka boleh memperkembangkan bakat dan kebolehan mereka untuk membantu Sarawak menjadi negeri maju. Saya berharap sekiranya boleh, pada masa akan datang lebih ramai anak Sarawak ditempatkan di politeknik dan kolej-kolej komuniti sebagai tenaga pengajar di kedua-dua institusi tersebut.

7. Akhir kata, harapan saya agar resolusi persidangan ini digunakan sebagai pemangkin ke arah menjadikan negeri Sarawak sebuah negeri yang maju dan makmur baik daripada pembangunan fizikal, jati diri dan insaniah. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran atas usaha menganjurkan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan kali ini.

Sekian, terima kasih.

Lampiran F

Teks Ucapan
YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Sempena
Majlis Perasmian Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015
13 Mei 2015 (Rabu)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Yang dihormati saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Pendidikan Malaysia

Yang Amat Berhormat
Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Alfred Jabu anak Numpang
Timbalan Ketua Menteri Sarawak mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak

Yang Berhormat
Datuk Joseph Entulu Belaun
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berhormat
Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg
Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak

Yang Berhormat Menteri-Menteri Muda

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad
Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Dif-Dif Kenamaan,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri,

Tuan-tuan, Puan-puan serta sidang hadirin yang dihormati sekalian

Lampiran F

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Illahi, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berhimpun dalam satu majlis yang penuh bermakna pada malam ini.
2. Saya bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP), selaku penganjur persidangan ini, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan di atas kesudian YAB Datuk Patinggi Tan Sri melapangkan masa menghadiri dan merasmikan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015 yang bertemakan 'Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan yang Dinamik'.
3. Terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Sarawak kerana sudi datang ke majlis ini bagi mewakili Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak yang telah memberikan sokongan kepada SPP mengadakan Persidangan Perkhidmatan Pendidikan yang julung-julung kalinya diadakan di Sarawak, Bumi Kenyalang ini. Tidak lupa juga kepada semua pegawai-pegawai kanan Kementerian, Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri, Pengarah-pengarah IPG dan peserta persidangan yang telah sudi hadir menjayakan persidangan ini. Semenjak SPP ditubuhkan, persidangan yang masuk kali keenam hanya diadakan di negeri-negeri Semenanjung. Justeru itu, pada tahun ini, persidangan perkhidmatan pendidikan diadakan di Sarawak bagi memberi lebih peluang dan ruang kepada para pendidik tempatan berkongsi idea dan pandangan di samping mewujudkan integrasi nasional.
4. Ucapan terima kasih juga dipanjangkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di atas penglibatan secara langsung penganjuran Makan Malam Sempena persidangan Perkhidmatan Pendidikan ini serta kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dr Madinah binti Mohamad, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia di atas sokongan padu yang telah diberikan kepada SPP.
5. Untuk makluman hadirin semua, persidangan pada keesokan hari akan diadakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak. Lantaran itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia khususnya Pengarah IPG Kampus Sarawak di atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan dalam menyediakan prasarana serta sistem sokongan yang baik untuk memastikan persidangan ini berjalan lancar.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Tema, Objektif, Peserta Dan Tajuk Forum/Kertas

6. Pendidikan memainkan peranan penting dalam merealisasikan Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah Negara maju berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, jangkauan masyarakat terhadap profesion pendidikan yang mapan dan dinamik dalam mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21 semakin tinggi.

Lampiran F

7. Lantaran itu, peserta persidangan kali ini terdiri daripada:

- (i) pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (ii) Pengarah-pengarah Pendidikan Negeri;
- (iii) Pengarah-pengarah IPG;
- (iv) Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah terutamanya di Negeri Sarawak; serta
- (v) Dekan-dekan Fakulti Pendidikan Universiti Awam.

Kesemua peserta akan didedahkan dengan isu-isu semasa selaras dengan objektif persidangan kali ini iaitu:

- (i) memantapkan jalinan kerjasama di kalangan warga institusi pendidikan Negara dan agensi Kerajaan berkaitan;
 - (ii) menyediakan platform bagi membolehkan warga pendidik menyuarakan pandangan dan cadangan mereka berkaitan isu-isu pendidikan;
 - (iii) menjamin pendidik yang kreatif dan berkualiti; dan
 - (iv) memantapkan fungsi SPP selaras dengan situasi semasa.
8. Persidangan ini akan memberikan satu ruang dan peluang untuk berkongsi pendapat untuk menjana pencambahan idea dalam usaha memantapkan lagi sektor pendidikan Negara melalui dua sesi forum dan empat pembentangan kertas kerja.
9. Untuk makluman YAB TPM, dua sesi forum tersebut ialah:
- (i) Anjakan Paradigma ke Arah Profesion Keguruan yang Dinamik; dan
 - (ii) Peranan SPP dalam Menjayakan Agenda Pendidikan Negara.

Manakala empat kertas kerja pula bertajuk:

- (i) Pengalaman, Cabaran dan Harapan SPP dalam Melahirkan Guru Berkualiti;
- (ii) Pandangan Majlis Profesor Negara terhadap Sistem Pengambilan dan Pelantikan Guru;
- (iii) Tautan Kasih SPP – KPM: Mencari Titik Pertemuan; dan

Lampiran F

(iv) Justice Delayed, Justice Denied – Di Mana Kita Hari Ini?

10. Pembentangan kertas kali ini merangkumi pegawai kanan KPM, ahli akademik dan mantan Pengerusi SPP serta daripada Anggota dan pegawai SPP sendiri.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Peranan SPP

11. SPP di sepanjang penubuhannya sentiasa bergerak seiringan dengan Kementerian dalam memastikan ekspektasi rakyat terhadap profesion pendidikan dipenuhi.
12. Bermula dengan penubuhan SPP pada tahun 1974, langkah-langkah merealisasikan institusi pendidikan dimulakan dengan perkara-perkara yang berikut:
- (i) mengambil alih proses pelantikan yang sebelum tertubuhnya SPP telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;
 - (ii) peringkat awalnya iaitu antara tahun 1974 hingga 1980, SPP telah terlibat secara langsung dalam memilih calon-calon di peringkat SPM/STP untuk mengikuti latihan kursus perguruan di Maktab-maktab Perguruan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia; dan
 - (iii) di samping melantik tetap guru-guru, SPP juga memilih dan melantik kakitangan bukan guru di peringkat Kumpulan Pelaksana untuk berkhidmat di agensi di bawah KPM.

Melarik Transformasi

13. Dalam menyokong hasrat Kerajaan untuk melaksanakan transformasi pendidikan, SPP telah melaksanakan penambahbaikan terutamanya dalam proses pemilihan dan pengambilan calon-calon perkhidmatan pendidikan. Sehubungan dengan itu, di samping melaksanakan tugas-tugas temu duga, Anggota Suruhanjaya juga diberi peranan strategik untuk turut sama mengkaji dasar-dasar sumber manusia. Justeru, SPP telah menubuhkan Pasukan Kerja dalam kalangan Anggota SPP berdasarkan pendekatan *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Pasukan Kerja yang berperanan sebagai *think tank*, diamanahkan untuk menyemak serta menilai kembali kaedah pengambilan, urusan perkhidmatan, kawalan tatatertib dan penggunaan ICT dalam urusan SPP yang dikuatkuasakan sekarang.
14. Selaras dengan saranan Kerajaan, SPP sentiasa memastikan Anggota-anggotanya dilengkapi dengan teknik-teknik terbaharu dan pengetahuan mengenai temu duga bagi mengenal pasti bakat-bakat terbaik sahaja dipilih memasuki profesion keguruan. Untuk itu, SPP telah:
- (i) dan akan mengadakan mesyuarat SPP di agensi, IPG dan sekolah terpilih di mana

Lampiran F

Anggota akan diberi taklimat mengenai perkembangan semasa berkaitan profesion keguruan; serta

(ii) turut mengadakan sesi perkongsian ilmu dalam kalangan Anggota.

15. Selain itu juga, SPP kini sedang mengenal pasti agensi pengambilan pekerja (*head hunter*) berprestij tinggi yang mampu memberikan latihan yang komprehensif kepada Anggota Suruhanjaya berhubung pengenalanpastian bakat terbaik ini.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri dan para hadirin yang dihormati sekalian,

Penutup

16. Adalah menjadi harapan SPP supaya persidangan ini digunakan sebaik-baiknya bukan sahaja percambahan idea malah sebagai platform untuk mengutarakan saranan supaya satu anjakan paradigma ke arah profesion keguruan yang dinamik dapat dilakukan.

17. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan persidangan kali ini. Semoga kerjasama ini berterusan pada masa akan datang. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih khusus kepada semua penceramah, ahli panel, moderator, penaja dan para peserta di atas penyertaan dan sumbangan dalam memastikan kejayaan persidangan ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

Lampiran G

Teks Ucapan
YB. Datuk Joseph Entulu Belaun
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Sempena
Majlis Penutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015
15 Mei 2015 (Jumaat)

Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Yang dihormati Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Datuk Dr. Haili bin Dolhan,
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim,
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Dato' Abu Bakar bin Othman
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Anggota-Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Encik Wan Shamsulri bin Wan Hasni
Wakil Jabatan Pendidikan Sarawak

Yang Berusaha Encik Bedui bin Une
Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua-pengetua,

Guru Besar-Guru Besar

Tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

1. Saya amat gembira apabila menerima jemputan untuk merasmikan Penutup Persidangan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran kali ini. Secara jujurnya, pendidikan amat dekat di hati saya kerana saya juga pernah menjadi pensyarah selama enam tahun lima bulan di UiTM dan sebab itulah juga apabila ada sahaja seminar, persidangan atau forum berkaitan dengan pendidikan ianya selalu menarik perhatian saya. *I'm very happy to be with you today and thank you for the invitation.* Saya amat sayangkan profession keguruan dan sekiranya saya diberi peluang, saya ingin menjadi tenaga pengajar dalam subjek perakaunan secara separuh masa tanpa menerima sebarang bayaran. *Don't be suprised* kalau anda melihat saya menjadi pensyarah dan *politician* pada masa yang sama sebelum bersara. Ini bukan

Lampiran G

kerana duit tetapi kerana *it's for the love of teaching and for the love of the subject*.

Tuan-tuan dan puan-puan,

2. Saya begitu gembira dengan senarai usul-usul yang telah dinyatakan oleh YBhg. Datuk Dr. Haili sebentar tadi kerana ia betul-betul mencerminkan hasrat untuk melaksanakan transformasi bagi penambahbaikan sistem sedia ada. Sebagai contoh, cadangan untuk melaksanakan pengambilan guru secara pasaran terbuka dan saya berpandangan usul ini amat perlu dilaksanakan. Setiap pihak juga perlu melihat daripada pelbagai sudut setiap cadangan perubahan yang akan dilaksanakan.
3. Semasa saya menjadi pensyarah UiTM, saya mendapati salah satu sebab pelajar memperoleh keputusan cemerlang di dalam sesuatu mata pelajaran adalah faktor guru. Guru yang kreatif semasa mengajar mampu menarik minat pelajar dan menghasilkan pelajar yang juga kreatif. *We have to make thing practical*, kita tidak boleh mengajar teori sahaja sekiranya kita inginkan tahap pendidikan kita meningkat.
4. Sebelum ini sekiranya sesebuah sekolah mendapat keputusan cemerlang, guru-guru di sekolah tersebut akan dinaikkan pangkat dan ada dalam kalangan mereka yang ditukarkan untuk berkhidmat sebagai pentadbir. Pada hemat saya, perkara ini menyebabkan mereka tidak dapat lagi mengajar di sekolah padahal mereka amat minat untuk mengajar dan mengajar kepakaran mereka. Bakat ini telah disia-siakan menyebabkan kita kerugian tenaga pengajar yang benar-benar berbakat. Walau bagaimanapun, saya difahamkan Kementerian telah mengambil pendekatan dengan mengekalkan guru-guru tersebut bagi memastikan kemahiran dan kepakaran mereka dapat dikekalkan.
5. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan dan YBhg. Dato' Abu Bakar bin Othman serta pegawai-pegawai lain yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung yang telah menjayakan persidangan ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada para peserta persidangan kerana saya dimaklumkan persidangan ini berjalan secara komunikasi dua hala di mana tuan-puan telah secara sukarela mengambil bahagian dalam memberi cadangan serta pendapat.

Dengan itu, saya secara rasminya menutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015.

Sekian, terima kasih.

Lampiran H

Teks Ucapan
YBhg. Datuk Dr. Haili bin Dolhan
Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
Sempena
Majlis Penutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015
15 Mei 2015 (Jumaat)

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam sejahtera dan salam 1Malaysia

Yang dihormati Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Yang Berbahagia Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim,
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Dato' Abu Bakar bin Othman
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Anggota-Anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Encik Wan Shamsulri bin Wan Hasni
Wakil Jabatan Pendidikan Sarawak

Yang Berusaha Encik Badui bin Une
Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Pegawai-pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua-pengetua,
Guru Besar-Guru Besar

Yang Berbahagia Dato'-Dato', tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati sekalian.

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu saya bagi pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, selaku penganjur persidangan ini, ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri di atas kesudian YB Datuk melapangkan masa menghadiri Majlis Penutup Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015.

Lampiran H

2. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan Pengarah IPG Kampus Sarawak di atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan dalam menyediakan prasarana serta sistem sokongan yang baik untuk memastikan persidangan ini berjalan lancar.
3. Sepanjang tempoh tiga hari bersidang, persidangan kali ini telah mengupas isu-isu dan topik-topik yang dapat membantu mencari formula terbaik dalam melaksanakan Anjakan Paradigma Ke Arah Profesion Keguruan Yang Dinamik. Dua sesi forum dan empat pembentangan kertas kerja telah diperdengarkan dan dibentangkan oleh pegawai kanan KPM, ahli akademik dan mantan Pengerusi SPP serta daripada Anggota dan pegawai SPP sendiri.

Resolusi / Dapatan Persidangan

4. Untuk makluman YB Menteri, antara resolusi yang dipersetujui dalam persidangan ini ialah:
 - (i) pengambilan guru secara pasaran terbuka agar lebih ramai bakat terbaik terpilih memasuki perkhidmatan pendidikan;
 - (ii) mengetatkan syarat dalam urusan pengambilan guru;
 - (iii) mempertingkatkan syarat kemasukan calon Ijazah Sarjana Muda Perguruan (ISMP) di Universiti Awam;
 - (iv) menggiatkan usaha untuk membolehkan lebih ramai anak Sabah dan Sarawak dilantik menjadi tenaga pengajar dan kolej komuniti di Sabah dan Sarawak; dan
 - (v) mempercepatkan tindakan berkaitan urusan tata tertib dan perkhidmatan melalui perbincangan serta perjumpaan yang lebih kerap antara SPP dan pihak KPM.

Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,

5. Segala penambahbaikan dan cadangan yang diutarakan sepanjang persidangan ini akan diteliti dan diperhalusi oleh SPP bagi membolehkan resolusi persidangan kali ini boleh dan mampu dilaksanakan mengikut prosedur dan peraturan sedia ada.

Penutup

6. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Datuk Joseph Entulu Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri atas kesudian merasmikan penutupan persidangan SPP Tahun 2015 Pendidikan Negeri Sarawak dan Pengarah IPG Kampus Sarawak di atas kesudian dan kerjasama yang telah diberikan dalam menyediakan prasarana serta sistem sokongan yang baik untuk memastikan persidangan ini berjalan lancar.

Lampiran H

7. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada urus setia persidangan, penceramah, ahli panel, moderator, penaja dan para peserta di atas penyertaan dan sumbangan dalam memastikan kejayaan persidangan ini.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabaraktuh.

GALERI PERISTIWA






Sesi fotografi YAB Datuk Patinggi Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin bersama Dif-Dif Jemputan, Anggota dan Pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Sempena Majlis Perasmian dan Jamuan Makan Malam Persidangan Perkhidmatan Pendidikan Tahun 2015
13 Mei 2015 (Rabu)















MUHYIDDIN YASSIN melakukan gimik perasmian Persidangan Perkhidmatan Pendidikan 2015 di Miri, Sarawak, malam tadi. Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Alfred Jabu (dua dari kanan); Menteri Perumahan Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg (lima dari kiri) dan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Datuk Dr. Haili Doihan (kiri). - BERNAMA

Ujian psikometrik syarat pelantikan guru

MIRI 13 Mei - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mencadangkan ujian psikometrik sebagai satu daripada syarat untuk pelantikan guru baharu.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata, cadangan syarat baharu itu ialah bagi memastikan golongan pendidik yang lebih berkualiti bukan sahaja memiliki keputusan cemerlang dalam pendidikan peringkat ijazah pertama tetapi aspek spiritual yang sihat dan positif.

"Saya ingin menyarankan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mengadakan penilaian sahaja diri melalui ujian psikometrik kepada semua graduan perguruan sebagai satu tapisan permulaan proses pelantikan," katanya ketika merasmikan Persidangan Perkh-

idmatan Pendidikan 2015 di sini malam ini.

Muhyiddin berkata, sebelum ini kemasukan untuk program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) telah diperketatkan dengan calon perlu mendapat keputusan lima cemerlang dalam peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk layak dipanggil menjalani Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan tujuh cemerlang untuk mengikuti Program Pelajar Cemerlang (PPC).

Beliau berkata, dengan adanya syarat baharu tersebut calon PISMP dan PPC menamatkan pengajian dengan disiplin ilmu yang tinggi melibatkan aspek fizikal dan spiritual.

Beliau berkata, mulai tahun lepas sebagai mengiktiraf PISMP cemerlang yang mencapai Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.5 ke

atas, tiada proses temu duga untuk pelantikan tetap sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP).

"Hanya calon-calon yang memperoleh PNGK di bawah 3.5 dan opsi pengajaran diperlukan Kementerian Pendidikan akan dipanggil temu duga untuk pelantikan tetap PPP," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem mahu tenaga pengajar dari Sarawak ditambah bagi menampung kekurangan di politeknik dan kolej komuniti.

"Saya berharap jumlah pengajar dari Sarawak untuk politeknik dan kolej komuniti di negeri ini ditambah," katanya.

Teks ucapan Adenan dibacakan Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu. - BERNAMA

DPM wants stringent criteria for new teachers

MIRI: Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin yesterday suggested that psychometric test be used as one of the criteria to recruit new teachers.

Muhyiddin, who is Education Minister said the proposed criteria was to ensure a breed of teachers who were more qualified not only in having excellent results in their first degree level education but also from a healthy and positive spiritual aspect.

"I wish to urge the Education Service Commission (SPP) to have a personality assessment through the psychometric test for all teaching graduates as an initial screening in their appointment process," he said when officiating the 2015 Education Service Conference here yesterday.

Muhyiddin said previously entry into the teaching degree programme (PISMP) was stringent as the candidate must obtain five outstanding results in Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) to be eligible to take the teacher qualification test (UKCG) and seven to join the Program Pelajar Cemerlang (PPC).

He said with the proposed

I wish to urge the Education Service Commission (SPP) to have a personality assessment through the psychometric test for all teaching graduates as an initial screening in their appointment process.

Tan Sri Muhyiddin Yassin, Deputy Prime Minister

criteria, PISMP and PPC candidates would graduate with high knowledge discipline involving the physical and spiritual aspects.

Meanwhile, Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem requested the teaching manpower from the state be increased to fill up the shortage in polytechnics and community colleges.

"I hope the number of instructors from Sarawak for polytechnics and community colleges in the state is increased," he said.

Adenan's text of speech was read by his deputy Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu. — Bernama



Muhyiddin hits the gong while others look on. — Bernama photo



Muhyiddin watching an Iban welcoming dance. — Bernama photo



A Bidayuh dance by students of SMK Taman Tunjku.



Meswara captivate the audience with their rendition of contemporary songs and music.

Fifty-four students nurture state's rich cultural heritage

By Cecilia Sman
reporters@theborneopost.com

MIRI: Fifty-four students prove that they have the talents and determination in nurturing the state's rich cultural heritage when they did a special performance at a dinner held in conjunction with the Education Service Conference here Wednesday.

Deputy Prime Minister and Education Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin who officiated at the function was amazed with the talents shown and even recorded them with his handphone. He even had a group photos taken with the performers.

The students including 10 from SK Rumah Baru (Bintulu) performed two dances — zapin and ngajat, 21 from SMK Taman Tunjku did the sape performance, ngajat and Bidayuh langgi pengadap, while the 23 students from SMK Agama Miri did the angklung for the closing performance.

The 450 participants of the conference and other guests were also entertained to contemporary songs and music by a local musical band, Meswara.



Muhyiddin gives the thumbs-up to the performers.

Deputy Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu who represented Chief Minister Datuk Patinggi Tan Sri Adenan Satem, Minister in the Prime Minister's

Department Datuk Joseph Entulu, Tourism Minister Datuk Amar Abang Johari Tun Openg, chairman of Education Service Commission Datuk Dr Haili

Bolhan and secretary-general of the Ministry of Education Tan Sri Dr Madinah Mohamad were among those present at the dinner.



Students of SK Rumah Baru doing the zapin.



Ngajat performance by students of SMK Taman Tunjku.



Muhyiddin (seated centre) and other VIPs in a photo call with the performers.



An angklung performance by students of SMK Agama Miri.



The conference participants and guests at the dinner.



Guests watch a cultural performance.

副揆：尤... 会派更多

News Strait Times



Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin officiating the 2015 Education Service Conference in Miri last night. With him is Sarawak Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu Numpang (second from right). Pic by Mohd Radzi Bujang

DPM: Vet teachers through personality assessment

MIRI: Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin has called on the Education Services Commission to introduce character evaluation as part of the vetting process for recruitment of teachers.

Muhyiddin, who is also education minister, proposed the commission conduct psychometric test for future teachers in an effort by the government to establish a pool of quality teachers.

"I would like to propose the commission to have a personality assessment through the psychometric test for all teaching graduates as an initial screening in the recruitment process," he said when officiating the 2015 Education Service Conference here last night.

Present was Deputy Chief Minister Tan Sri Alfred Jabu Numpang, who attended the event on behalf of Sarawak Chief Minister Tan Sri Adenan Satem.

The ministry, Muhyiddin said, had imposed strict entry requirements for those who wanted to pursue a Bachelor's Degree in Education at teachers' training institutions.

"Interested candidates are required to achieve excellent results for at least five subjects in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination to enable them to sit the teacher qualification test (UKCG).

"For those interested in enrolling for 'Program Pelajar Cemerlang' (Excellent Students Programme), they need to have good scores in seven

subjects in SPM."

Muhyiddin said the government was gearing towards establishing an education system aimed at producing quality human capital and bridging the education gap in terms of location, social economy, race and students' potential.

"Efforts to transform the education sector started since last year with the introduction of the Malaysia Education Blueprint 2013-2025, followed by Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education), which was launched by the Prime Minister (Datuk Seri Najib Razak) last April.

"The blueprints have set a clear path to establish and provide the best education system."

副首相兼教育部长慕尤丁表示：将在城市...
好的教师，让所有孩子接受良好和有素质的教育

慕尤丁今晚出席由大马教育服务委员会举办的2015年教育服务会议时，如此表示。

该会议主题为“加强及改变未来的教育思想”。

他表示，出席该活动是为了拉近东西马之间的关系，他建议当局应多在东马主办类似活动，以维持各州之间的关系。

“现今社会的教育思想需要改变，因为2013-2025年教育大蓝图的目标是要改变现在的教育情况，这项举措是不分种族的”。

他说，现在的教育体系有明确的教育方针，政府已经准备最好的规划，让学生们拥有最好的知识，让各族学生拥有良好的领导和沟通能力。

教部积极缩学生差距

“现在的教育工作者要接受新的思想，紧跟国家教育体系的步伐。教育部如今正专注建立先进的教育方式与优良的人力资本，以缩短学生们的成绩差距。”

他说，各单位要全力配合，建立有素质的教育体系，要所有人都受到教育。无论在城市或乡区，当局都会派遣有素质的教师或教育工作者。

“特别是乡区及较内陆的教育部已做好准备，只要教师不足，当局一定会关注及填补空缺，因良好的教育将有助培养国家未来的主人翁”。

他还表示，教育服务委员会有伟大的使命，他们与教育部配合以确保新老师拥有良好素质。

“宪法...
明，教育部...
(SPP)聘请...
升、调动和...
须有效善用...
有什么情况...
都...
他还表示...
智慧地处理...
育界中执...
会与各公共...
提升国家经...
“虽然这...
他们配合下...
教师，这是...
成绩”



大马教育服务委员会总监拿督海力博士赠送纪念品予...

(本报...
慕尤丁...
要出席...
慕尤丁...
并获得...
部兼...
市长...
IV...
首相...
拿督...

城市郊区 优质教师

及内陆派遣更多素质良

第141A条文第(2)条款表
授予属下教育服务委员会
新教师、办理教师退休、晋
升管制问题的权利。他们必
须有关权利处理所有问题，无论
必须完成使命。”

教育服务委员会必须要有
任务，让有素质的学生进入教
育。同时，他促请公共服务委员
会合作，培育优良人才，以

不全然是他们的责任，但在
将有助教育部筛选出更好的
教师的工作与责任。”

达标可直接执教

前国立大学有2千648名学
教师界。另外，配合2013-
教育大蓝图，凡平均累积分数
到3.5分或以上，可以不需要
再考教师。

下者则需面试，教育部聘请
的学士或学院生至少要有5个
等级，而大马高级教育文凭
科目获得卓越。”

说，在2013-年2025年教育
力下，不仅能吸引更多成绩卓
能吸引许多专业人士回来。
部制作了一首歌曲给教育服
增加他们的士气，希望他们
为教育工作者，不止为教育孩
会、种族、宗教及国家，这是
的荣誉。



副首相兼教育部长慕尤丁

副揆抵油城 高官齐接机

（美里13日讯）我国副首相拿督
于今日抵达美里机场，获得官
员迎接。

今天傍晚5时30分抵达美里机
砂副首长拿督巴丁宜宣布、砂
旅游部部长拿督阿玛阿邦佐哈
赖耀松、砂通讯与体育部助理部

长拿督李景胜、美里省省长安东尼等人出
席迎接。

接着，慕尤丁便前往住宿的万豪酒
店。

慕尤丁抵达美里，是为了出席今晚8
时举行的2015年教育服务大会晚宴，并
为有关活动主持开幕仪式。



副首相慕尤丁抵达美里后，与各政府官员进行祈祷仪式。左4起为砂房屋部兼旅游部部长拿督阿玛阿邦佐哈里、副
首相慕尤丁、砂副首长拿督巴丁宜宣布以及市长赖耀松等人。



●大马教育服务委员会总监拿督
海力博士赠送纪念品予砂副首长
拿督巴丁宜阿弗烈宣布



●副首相兼教育部长慕尤丁为2015年教育服务会议进行开幕礼。



●副首相拿督斯里慕尤丁（左2）向迎接者握手问好，左为砂副首长拿督巴丁宜宣布。

为砂州培养优质栋梁 首长盼教育服务委员会

（本报美
里13日讯）砂
首长拿督巴丁
宜阿德南沙登
表示，举办任
何活动，相关
部门的合作很
重要。

阿德南今
晚在2015年教
育服务大会晚
宴上致辞时，
作出上述表
示。由于阿德
南有重要公务
在身，不克出
席，其讲稿由
砂副首长拿督
巴丁宜宣布代
读。

他指出，
每所高等教育
和政府学院的
教师素质日渐

渐提升。

“这都是有关部门合作
下达成的，由此可见相关部门
的合作极为重要。”

因此，他希望教育服务委
员会可以为砂拉越培养国家未
来的栋梁。然而，他也称，教
育服务委员会需要获得社会支
持。他也透露，他一直以来都
非常支持教育服务委员会推行
的活动。

他强调，教育服务大会不
仅是商讨高等教育及提升教育
的事务，也商讨如何培养优秀
专才。

他也希望砂拉越工艺学
院、市区学院及技术学院未来
可以培养优秀及专业的人才。

Ucapan Penghargaan dan Terima Kasih

1. Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Jabatan Ketua Menteri Sarawak
3. Institut Pendidikan Guru Malaysia
4. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
5. Residen Miri
6. Pengarah Hospital Miri
7. Ketua Polis Daerah Miri
8. Majlis Bandaraya Miri
9. Jabatan Kerja Raya
10. Institut Pendidikan Guru, Kampus Sarawak, Miri
11. Pejabat Pendidikan Daerah Miri
12. Jabatan Penerangan Sarawak

